



Kata Berimbuhan Akhiran

Sepakat Ceriakan Dewan

Hanif: Selamat pagi, kawan-kawan. Marilah kita ceriakan dewan perpaduan.

Ming Jun: Baiklah, Hanif. Semua alatan telah kami bawa. Siapakah yang akan mengagihkan tugas?

Ravin: Orang yang kita kagumi ialah Hanif. Dia ada bakat dalam seni lukis. Jadi, kita dengar _____
arahkan arahan daripadanya.

Hanif: Baiklah, Ravin. Catat tugas yang akan saya _____
agihi agihkan.

Selepas tugas diagihkan oleh Hanif, mereka mula bekerja.

Yen Ni: Saya _____
dapatan dapati cat pada dinding dewan ini telah luntur. Mari kita lukis mural pada dinding itu dengan cat yang terang.

Menjelang tengah hari, dewan itu menjadi ceria.



BIJAK BAHASA

Kata berimbuhan akhiran ialah kata yang menerima imbuhan yang diletakkan di akhir kata.

Contoh imbuhan akhiran: **-i, -kan, -an.**

Contoh ayat: Tolong ambilkan pensel itu.